

## KERATAN AKHBAR

TARIKH : 29 JANUARI 2022  
AKHBAR : BERITA HARIAN  
MUKA SURAT : 3

ECERDC raih pelaburan komited swasta RM13.4b

# ECERDC raih pelaburan komited swasta RM13.4b

**Jumlah melepasi sasaran bukti sokongan kerajaan dalam projek infrastruktur strategik**

Oleh Mohd Iskandar Ibrahim  
mohd\_iskandar@bh.com.my

**Kuala Lumpur:** Majlis Pembangunan Wilayah Ekonomi Pantai Timur (ECERDC) mencapai pelaburan komited swasta berjumlah RM13.4 bilion setakat 31 Disember tahun lalu, kata Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob.

Perdana Menteri berkata, jumlah itu melepasi sasaran pelaburan komited yang ditetapkan, iaitu RM12 bilion.

"Difahamkan setakat 31 Disember 2021, ECERDC berhasil mencapai 40 peratus, iaitu RM27.7 bilion daripada sasaran pelaburan komited ditetapkan dalam Pelan Induk Wilayah Ekonomi Pantai Timur (ECER) 2.0 berjumlah RM70 bilion.

"Pencapaian ini menunjukkan sokongan kerajaan, terutama dengan pelaksanaan projek infrastruktur strategik dan lanjutan pakej insentif, berkesan dalam meningkatkan daya saing ECER sebagai destinasi pelaburan pilihan," katanya menerusi Facebook.

Ismail Sabri berkata, menerusi

kerjasama erat antara kerajaan Persekutuan dan negeri, pelaksanaan projek serta program di ECER, selain pelbagai inisiatif promosi pelaburan berjaya dilaksanakan dengan lancar.


Sementara itu, BERNAMA melaporkan, Perdana Menteri semalam meninjau Menara Kuantan 188, antara produk pelancongan terkini dan ikonik yang dibangunkan ECERDC di pesisir Sungai Kuantan.

Beliau tiba di menara kedua tertinggi negara selepas Menara Kuala Lumpur itu pada jam 12.10 tengah hari dengan menaiki kereta bugi dari Kompleks Bandaraya Kuantan kira-kira 200 meter dari menara berkenaan, selepas mempengerusikan mesyuarat ECER.

Yang turut hadir, Menteri Besar negeri Pantai Timur iaitu Datuk Seri Wan Rosdy Wan Ismail (Pahang), Datuk Seri Dr Ahmad Samsuri Mokhtar (Terengganu) dan Datuk Ahmad Yakob (Kelantan), selain Menteri Kewangan, Tengku Datuk Seri Zafrul Tengku Abdul Aziz; Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Ekonomi), Datuk Seri Mustapa Mohamed dan Ketua Setiausaha Negara, Tan Sri Mohd Zuki Ali.

Setibanya di pekarangan Menara Kuantan 188, Ismail Sabri mendengar taklimat dan meninjau kenderaan rekreasi (RV) atau lebih dikenali sebagai karavan, satu daripada produk pelancongan terkini dicadangkan oleh ECERDC untuk dibangunkan di sebuah daerah di Pahang.

Perdana Menteri bersama rombongan dibawa ke skydeck Me-



Ismail Sabri bersama Wan Rosdy, Ahmad, Tengku Zafrul serta Mustapa bergambar di hadapan Menara Kuantan 188, selepas mempengerusikan mesyuarat ECER di Kuantan, semalam. (Foto Farizul Hafiz Awang/BH)

nara Kuantan yang menyajikan pemandangan 360 darjah keseluruhan bandar raya Kuantan. Sementara itu, Ketua Pegawai Eksekutif ECERDC, Datuk Baidzawi Che Mat, menerusi kenya-

taan media berkata, pelancongan RV adalah trend semasa yang semakin popular kerana ia memberi pilihan pelancongan lebih terbuka untuk pelbagai aktiviti luar dan aktiviti peribadi.